

# PAK-21

## PAYUNG TERJUN TELUR



### Tajuk

Mencipta payung terjun telur

### Objektif


- i Mencipta payung terjun telur
- ii Memahami angin dan daya seretan memperlahankan objek daripada pecah apabila jatuh dari tempat tinggi

### Bahan

- Sebiji telur ayam
- Plastik sampah (payung terjun)
- Tali atau benang
- Cawan plastik (tempat letak telur)
- Kapas atau kertas (pelindung telur)
- Gunting
- Pita pelekat

### Arahan

Lakar dan bina sebuah payung terjun dalam misi memastikan beban yang dibawa iaitu sebiji telur ayam dapat mendarat dengan baik dari tingkat 3 bangunan sekolah.



Contoh payung terjun telur

### Langkah-langkah

- 1 Guru memperkenalkan tajuk aktiviti
- 2 Guru membahagikan murid kepada beberapa kumpulan.
- 3 Murid mula melakar reka bentuk payung terjun masing-masing dan tempat letak bekas telur yang selamat (letak kapas di sekeliling telur atau balut dengan kertas).
- 4 Murid membina payung terjun bersama bekas telur secara berkumpulan.
- 5 Guru membawa murid ke tempat tinggi (tingkat 3 bangunan sekolah).
- 6 Setiap kumpulan demi kumpulan melakukan 'ujian terjun'.
- 7 Guru dan murid memerhati sama ada telur pecah atau selamat.

### Lakaran

